

“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).” (Surah Al Ahzab, ayat 21)

Melalui ayat ini, Allah mempersembahkan bahawa keseluruhan kehidupan Rasul-Nya iaitu Nabi Muhammad SAW hendaklah dijadikan model yang terbaik bagi umat Islam termasuk dalam membentuk karakter dan personaliti masing-masing.

Justeru, semua orang beriman mestilah melihat dan mencontohi Rasulullah SAW dalam keseluruhan hidupnya.

Nabi Muhammad SAW juga boleh menjadi model kepada manusia bukan Islam kerana ajaran disampaikan tidak bertentangan dengan prinsip kemanusiaan, malah menghormati hak secara adil tidak mengira kepercayaan dan budaya.

Hal ini adalah kerana Islam menghormati mereka yang bukan Islam serta meraikan kepelbagaian budaya bangsa.



Bersama Prof Dr Taufiq Yap Yun Hin

Peribadi mulia dipamerkan oleh Nabi Muhammad SAW bukan hanya menjadi sanjungan orang Islam, malah sikap sopan-santun, lembah lembut serta layanannya yang baik dan adil mendapat perhatian manusia umum.

Justeru, dengan keperibadian mulia ini, ramai orang bukan Islam ketika pemerintahan di Madinah tertarik dan terpegun dengan akhlak Nabi Muhammad SAW telah menerima Islam sebagai pegangan hidup mereka.

Tiada sebarang bukti yang menunjukkan Nabi SAW pernah memaksa masyarakat bukan Islam untuk menerima Islam walaupun pada ketika itu tentera Islam berada di kemuncak kekuasaan.

Pada hari ini, amat malang sekali apabila Islam dan sesetengah orang Islam atau Muslim tidak boleh

Rasulullah SAW contoh pemimpin terbaik



KEPEMIMPINAN Nabi Muhammad SAW mensejahterakan kehidupan masyarakat Islam.

disamakan kerana terlalu banyak perkara bertentangan antara kedua-duanya.

Islam tetap tidak berubah sebagaimana dibawa oleh Nabi Muhammad SAW. Bagaimanapun, ramai orang Islam atau Muslim yang tidak menunjukkan akhlak Islam. Ini disebabkan orang Islam hari ini tidak menjadi contoh yang baik kepada Islam.

Apabila akhlak orang Islam tidak selari dengan ajaran Islam, maka ini memberikan imej yang tidak baik kepada Islam.

Secara tidak langsung orang Islam sendiri memberikan gambaran yang silap kepada bukan Muslim mengenai kehebatan ajaran Islam yang menyeluruh dan relevan sepanjang masa.

Nabi Muhammad menunjukkan contoh

kepemimpinan yang terbaik sama ada dari segi kehidupan berumah tangga, kepimpinan negara, ketenteraan mahupun kemasyarakatan.

Umat Islam yang mengaku kasih kepada Nabi mestilah meneladani Baginda sebagai contoh yang mesti diikuti dalam semua aspek kehidupan daripada sekecil-kecil hingggalah sebesar-besar perkara pada setiap masa

dan bukan sekali-sekala ataupun secara kebetulan saja.

Sesungguhnya kepemimpinan Nabi Muhammad SAW telah membawa masyarakat Islam kepada kehidupan yang lebih baik, teratur dan maju.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di UPM